

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam pengurusan sumber minyak dalam negara dengan harga baru minyak dunia serta berapakah pengeluaran minyak sehari oleh Petronas pada masa kini dan adakah akan diteruskan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha Kerajaan sejak sekian lama untuk mempelbagaikan asas ekonomi telah mengurangkan pergantungan negara ke atas mana-mana industri dan komoditi. Kerajaan telah mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum secara berhemat daripada 40.3% pada tahun 2009 kepada 29.7% pada tahun 2013 dan dijangka akan terus menurun pada tahun-tahun akan datang.

Sistem kewangan dan perbankan juga telah diperkuuhkan untuk memastikan bahawa ekonomi negara dapat bertahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Di samping itu, pembaharuan fiskal termasuklah pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Belanjawan Berasaskan *Outcome* (OBB) dan perakaunan akruan, rasionalisasi subsidi, peningkatan kecekapan perbelanjaan dan pengauditan yang lebih ketat. Dengan pengenalan GST, Kerajaan berupaya memperkemas dan memperluas asas cukai. Jadi, fenomena kejatuhan harga minyak tidak dijangka memberi kesan yang mendadak bagi jangka pendek dan panjang kepada ekonomi Negara.

Walaupun kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang Ringgit merupakan fenomena jangka pendek, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk menghadkan kesannya ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Tiga strategi telah dibentuk bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada landasan yang kukuh.

Strategi pertama adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan melalui aktiviti merancakkan pertumbuhan eksport serta meningkatkan penggunaan dan pelaburan swasta. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- i) membantu pengeksport terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mendapat prospek pelanggan baru di pasaran yang baru;
- ii) memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan bagi pelaksanaan kerja-kerja baik pulih di kawasan yang terjejas akibat banjir; dan
- iii) mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui pengurangan tariff elektrik bermula 1 Mac hingga 30 Jun 2015 termasuk penangguhan kenaikan tariff elektrik untuk semua kategori pengguna serta penangguhan kenaikan harga gas untuk sektor industri pada tahun ini.

Strategi kedua adalah dengan meneruskan konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampunan kedudukan fiskal jangka panjang. Antara langkah yang akan diambil adalah:

- i) meningkatkan hasil Kerajaan dengan meluaskan asas percukaian dan menggalakkan syarikat mendaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bagi meningkatkan hasil daripada kutipan Cukai

Barang dan Perkhidmatan (GST). Ini dijangka akan menambah sumbangan kepada kepada kutipan hasil sebanyak RM1 bilion.

- ii) merasionalisasi perbelanjaan dan mengkaji semula pemberian dan geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan, terutamanya yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi. Langkah ini dijangka memberi penjimatan sebanyak RM3.2 bilion.

Strategi ketiga adalah penyediaaan bantuan kepada rakyat dan komuniti perniagaan serta membina semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir pada akhir tahun lepas. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta sebagai bantuan permulaan untuk kerja-kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa banjir, tambahan kepada tabung Majlis Keselamatan Negara, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM787 juta.

Langkah-langkah di atas dijangka dapat memastikan negara mampu mencapai pertumbuhan KDNK yang mampan antara 4.5 hingga 5.5 peratus serta mengurangkan kadar defisit kepada 3.2 peratus daripada KDNK pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi pengeluaran minyak sehari oleh Petronas, Petronas akan mengekalkan tahap pengeluaran sedia ada di mana kadar pengeluaran minyak domestik PETRONAS pada masa ini adalah sekitar 500 ribu tong sehari (2013 : 576 ribu tong sehari, 2014 : 603 ribu tong sehari).

Petronas juga akan menggiatkan usaha-usaha tertentu melalui penerusan amalan pengurusan reservoir yang efisien dan menjalankan kerja-kerja teknikal yang diperlukan bagi mengekalkan tahap pengeluaran yang sama.

Dengan mengambilkira usaha-usaha yang sedang dilaksana oleh Kerajaan dan juga PETRONAS, maka dijangkakan negara akan dapat mengharungi fenomena semasa penurunan harga minyak dan akan terus bergerak kehadapan bagi mencapai status negara maju dan inklusif pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.